

MANGKAT DENGAN MENINGGALKAN JASA YANG CEMERLANG

Al-Malik ‘Abdul ‘Azīz Ibnu Sa‘ūd, Raja Hajār dan Najd (Saudi Arabia) telah mangkat pada hari Ahad 1 Rabī‘ulawal 1373 (8 November 1953) di istananya di Taif dan telah dimakamkan di Bandar Riyadhh pada hari Isnin-esoknya.

Pemerintahannya terdiri beberapa buah negeri yang telah disatkan dan diberi nama “al-Mamlukat al-‘Arabiyyah al-Sa‘ūdiyah” (kerajaan Arab Saudi). Luasnya 930000 persegi dan jumlah rakyatnya kira-kira enam juta orang.

Kekayaan al-Marḥūm Raja Ibnu Sa‘ūd tidak terhitung kerana hasil minyaknya. Baginda mendapat £30, 000, 000 setahun daripada kongsinya syarikat minyak Amerika yang sedang menjalankan perusahaan itu di kawasan al-Żahrān -Saudi Arabia.

Kemakmuran dan pembangunan serta kemajuan Tanah Suci adalah di antara jasa-jasanya yang berkekalan.



oleh Abdullāh Bāsmeh

Dilahirkan di istana ayahanda al-Marḥūm ‘Abdul Rahmān al-Fayṣal al-Sa‘ūd Amīr al-Riyād, pada 20 Zulhijjah 1297 (Disember 1880). Ia telah dididik bersama saudara-saudaranya lalu diajar membaca dan menulis, terutama membaca Quran dan mempelajari ilmu-ilmu agama. Selain daripada itu ia telah dilatihkan menunggang kuda, bermain pedang, bermain panah dan lain-lain permainan pahlawan.

Dalam masa ‘Abdul ‘Azīz masih kecil, berlakulah peperangan di antara ayahanda yang menjadi Amīr Waliyah Riyād dengan Raja al-Rashīd yang menjadi Amīr Waliyah Ha‘ul. Akhirnya keluarganya menerima kekalahan. ‘Abdul ‘Azīz (Ibnu Sa‘ūd) bersama-sama ayahanda dan keluarganya terpaksa

meninggalkan tanah airnya berlindung di negeri al-Kuwait.

Kejadian ini berlaku dalam tahun 1892 ketika Ibnu Sa‘ūd berusia sebelas tahun.

Pada tahun 1900 berbangkit peperangan di antara Sheikh Mubārak al-Šabāḥ Raja Kuwait dengan Raja al-Rashīd Ibnu Sa‘ūd yang baru berusia 15 tahun telah memimpin suatu angkatan tentera menyalahi raja al-Kuwait, malangnya raja al-Kuwait telah tewas dan Sa‘ūd ayahanda dan saudaranya telah menerima kekalahan bersama.

Peperangan yang tersebut telah menambahkan pengalaman dan telah menunaikan semangat keberanian kepada Ibnu Sa‘ūd yang masih muda remaja, dan kebenarannya inilah yang telah menegakkan semula

mulai bertambah cemerlang.



Al-Malik Sa'ūd Ibnu 'Abdul 'Azīz Raja baru Saudi Arabiah

kerajaan ayahandanya dan menewaskan musuhnya.

Dengan suatu angkatan kecil ia telah meredah padang pasir dari negeri Kuwait lalu menuju ke tanah airnya al-Riyadh. Dengan tenteranya yang kecil tetapi terdiri daripad aorang-orang yang pilihan dan gagah berani maka Ibnu Sa'ūd pada 4 Syawal telah Berjaya menawan bandar Riyadh dan menghalau musuhnya (al-Rashīdī) dari tanah airnya. Semenjak itu peperangan tidak putus berlaku di antaranya dengan al-Rashīdī yang mendapat bantuan dari pihak Turki tetapi semuanya itu tidak dapat mencederakan Ibnu Sa'ūd, bahkan pemerintahannya makin sehari makin bertambah luas.

Sebaik-baik sahaja Turki menerima kekalahan dalam peperangan dunia yang oertama dan kuasa mereka dapat disapu bersih dari semenanjung Arab maka bintang Ibnu Sa'ūd

Suatu peperangan berlai di antaranya dengan SharIf Hussīn dan akhirnya Ibnu Sa'ūd Berjaya menawan Bandar MEkah- yang pada ketika itu menjadi Bandar terbuka- pada 6 Safar 1343 (12 September 1924).

Susunan dan Cara Pemerintahannya

Ibnu Sa'ūd menjalankan pemerintahan berdasarkan Islam. Bagindalah yang bertanggungjawab menjalankan hukum-hukum Islam dan membelanya.

Negara Saudi Arabiah terdiri daripada dua buah negeri masing-masingnya mempunyai pemerintahan yang bersendiri. Pertama: Negeri Najd, ibu negerinya ialah Bandar Riyad di bawah pemerintahan al-Amīr Sa'ūd (Putera Mahkota yang sekarang menjadi raja baru). Kedua: Negeri Hajar, ibu negerinya Bandar Mekah di bawah pemerintahan al-Amīr Fīṣal. Tetapi kedua-duanya tidak menjalankan sesuatu perkara melainkan setelah diketahui dan diluluskan oleh raja Ibnu Sa'ūd.

Untuk penjelasan elok diperturunkan pati undang-undang dasar perlembagaan kerajaan Saudi Arabia yang telah diisytiharkan pada 30 Ogos 1926:

Perkara yang pertama: Antara lain berkata, kesatuan Negara Saudi Arabiah tidak boleh berbelah bagi sama sekali.

Perkara yang kedua: Negara Saudi Arabiah ialah sebuah Negara yang ebraja, berdasar Islam, dan merdeka dalam dan luarnya.

Perkara yang ketiga dan keempat: bahawa Mekah ialah ibu Negara Saudi Arabiah dan bahasa rasminya ialah bahasa Arab.

Perkara kelima: Bahawa urusan kerajaan Saudi Arabiah adalah terletak dalam tangan al-Malik 'Abdul 'Azīz bin

‘Abdul ‘Azīz al-Fīṣal ala Sa‘ūd dan baginda

terikat dengan hukum syarak.

Perkara keenam: hukum-hukum yang berjalan di Negara Saudi Arabia dikehendaki bersesuaian dengan kandungan kitab Allah, Sunnah Rasul-Nya, perjalanan sahabat dan al-Salaf al-Šalih.

Perkara yang ketujuh: Seorang Na’ab ‘Ūm hendaklah dilantik oleh Duli yang Maha Mulia dan beberapa ketua jabatan menurut yang dikehendaki oleh keadaan.

*

Kerajaan Saudi Arabiah ada empat jabatan kementerian: Jabatan Menteri Luar, Jabatan Menteri Negara, Jabatan Menteri Kewangan dan Jabatan Menteri Pertahanan.

Selain daripada ada beberapa majlis pula. Majlis Raja, Majlis Raja Muda, Majlis Syura (perwakilan) Majlis Ketua Hakim (Kadi), Jabatan Pelajaran, Jabatan Keamanan Raya, Jabatan Kesihatan AM, Jabatan Pusat-telegraf, Jabatan Wakaf, Jabatan Hal Ehwal Jemaah Haji, pejabat tanaman, pejabat benci, dan pejabat bandaran.

Perhubungannya dengan kerajaan-kerajaan asing Kerajaan Ibnu Sa‘ūd telah berikat perjanjian persahabatan dengan kerajaan-kerajaan asing, di antaranya kerajaan British, Perancis, Itali dan lain-lain kerajaan di timur dan di barat. Memandang kepada perhubungan Malaya dengan Tanah Suci Mekah, maka elok rasanya kalau diperturunkan di sini pati perjanjian di antara kerajaan Saudi Arabiah dengan kerajaan British, lebih-lebih lagi apabila di dalam perjanjian ini ada tersebut soal kerakyatan dan soal jemaah Haji.

Pada 26 Disember 1915 buat perjanjian persahabatan telah dimeterikan di antara Ibnu Sa‘ūd dengan kerajaan



Al-Amīr Faysal Bin 'Abdul 'Azīz (Menteri Luar) bersama anak-anaknya.

British. Kerajaan British diwakili oleh

Leftenan Kolonel Sir Percy Gods. Pada ketika itu


Ibnu Sa‘ūd masih menjadi amir negeri Najad, al-Hasā dan beberapa wilayah kecil di tepi teluk Parsi. Tetapi perjanjian tersebut telah dimansuhkan setelah baginda menjadi raja bagi kesatuan negara Saudi Arabia yang mengandungi Najad, Ḥajār dan segala jajahan takluknya.

Perjanjian yang baru ini telah dimeterikan pada 20 Mei 1927. Kerajaan Saudi diwakili oleh al-Amīr Fīṣal Menteri Luar, manakala kerajaan British diwakili oleh Sir General Macheim Clayton. pati perjanjian itu seperti di bawah:

Perkara yang pertama: Duli yang Maha Mulia baginda King bagi Great Britain mengiktiraf akan kemerdekaan yang sempurna dan mutlak bagi negara Duli yang Maha Mulia al-Malik bagi kerajaan Ḥajār dan Najad dan segala jajahan takluknya (negara Saudi Arabia).

Perkara yang kedua: Kedua-dua kerajaan tersebut adalah bersahabat dan menjalankan perhubungan berbaik-baik yang aman damai.

Perkara yang ketiga: Raja negara Saudi Arabia bertanggungjawab bagi memudahkan sekalian rakyat British dan orang-orang yang bernaung di bawah kerajaan British



Istana Tua Ibnu Sa'ud di Riyad

menunaikan ibadat Haji seperti jemaah-jemaah Haji yang lain, dan hendaklah Duli yang Maha Mulis Raja Saudi Arabia menjamin keselamatan harta benda dan nyawa jemaah-jemaah Haji -rakyat dan naungan British- itu selama mereka berada di negeri Hajār.

Perkara yang keempat: Raja bagi negara Saudi Arabia bertanggungjawab bagi menyerahkan harta benda peninggalan orang-orang Haji yang tersebut yang mati di tanah Hajār atau lain-lain kawasan dalam negara Saudi Arabiah. Orang-orang Haji yang mati, yang tidak mempunyai waris di negeri Saudi hendaklah harta bendanya diserahkan kepada konsul British di Jeddah atau kepada wakilnya supaya disampaikan kepada waris-waris di mati, dengan syarat penyerahan itu hendaklah ditunaikan setelah sempurna segala kerja yang berkenaan dengannya di hadapan mahkamah yang tertentu dan setelah menunaikan segala bayaran yang telah ditetapkan menurut undang-undang di negara Saudi Arabia.

Perkara yang kelima” Duli yang Maha Mulis baginda King bagi Great Britain mengiktiraf akan kerakyatan Saudi Arabia bagi semua rakyat Saudi Arabia apakala mereka itu mendapat perlindungan di negeri Duli yang Maha Mulia baginda King dan negeri-negeri yang tertakluk di bawah naungannya. Demikian pula Duli yang Maha Mulis al-malik bagi Saudi Arabia dan jajahan takluknya mengiktiraf akan kerakyatan British

bagus semua rakyat Duli yang Maha Mulia baginda King dan bagi semua orang yang terletak di bawah naungan baginda apakah mereka itu mendapat perlindungan di negeri Duli yang Maha Mulia al-Malik bagi Saudi Arabia dan jajahan takluknya, dengan syarat undang-undang *international* yang berjalan di antara negara-negara yang merdeka hendaklah dihormati.

Perkara yang keenam: raja Saudi Arabia dikehendaki berbaik-baik dengan negeri-negeri yang ebrjiran terutama yang bersahabat dengan kerajaan British.

Perkara yang ketujuh: L kedua pihak (Saudi-British) dikehendaki bekerjasama menghapuskan perniagaan hamba abdi.

Perkara yang kedelapan: Kedua belah pihak dikehendaki mengakui ikatan perjanjian ini dari tarikh dimeterikan, dan hendaklah dijalankan selama 7 tahun, sekiranya salah suatu pihak yang tersebut hendak membatalkannya maka hendaklah diisyiharkan sekurang-kurangnya yang tersebut, kalau tidak, maka perjanjian ini adalah diakui berjalan kuatkuasanya.

Perkara yang kesembilan: Dengan perjanjian yang baru ini maka perjanjian lama yang telah dimeterikan di antara kedua belah pihak pada 26 Disember 1915 dihukumkan mansuh.

Perkara yang kesepuluh: Perjanjian ini ditulis dalam dua bahasa: Arab dan Inggeris, nas perjanjian itu dalam kedua-dua bahasa adalah sama harganya, tetapi apakala berlaku pertelingkahan pada memahamkan sebahagian daripada kandungannya maka hendaklah berbalik kepada nas yang dalam bahasa Inggeris.



Bandar Madinah dipandang dari udara.

Perkara yang kesebelas: Perjanjian ini diberi nama perjanjian Jeddah. Perjanjian ini telah dimeterikan di Jeddah pada hari Muat 28 Zulhijjah 1345 bersamaan 20 Mei 1927.

Elok juga disebut bahawa perjanjian ini telah diubah dan ditambah beberapa kali dari semasa ke semasa.

*

Cara Hidupnya.

Cara kehidupan al-Malik ‘Abdul ‘Azīz Ibnu Sa‘ūd adalah berlainan daripada kebanyakan raja-raja yang biasa kita baca riwayat hidup mereka. Hal ini adalah bersangkut paut dengan keadaan masyarakat sekelilingnya. Zaman mudanya telah dihabiskan dalam berperang, sehingga baginda pernah membayangkan bahawa tidak ada barang sejengkal tanah di dalam semenanjung Arab yang baginda tidak berperang di atasnya.

Baginda sangat berpegang kukuh kepada adat istiadat Arab. Pakaian kebangsaan itulah pakaian rasmi baginda, putera-puteranya dan sekalian pegawai-pegawaiannya dalam negeri atau luar negeri. Kalau negeri-negeri Arab yang lain telah terpengaruh kepadatamadun Barat yang telah menelan sebahagian besar kebudayaan Timur tetapi kebudayaan Arab masih lebih tinggi di negara Ibnu Sa‘ūd. Kalau negeri-negeri Arab yang lain tidak mengambil kalimah “Arab” sebagai cogan kebangsaan kerana masing-masing hanya berpada dengan nama-nama: Yaman, Iraq, Jordan, Lebanon, Syria, Palestin, Mesir, tetapi Ibnu Sa‘ūd telah mengambil kalimah “Arab” menjadi tajuk nama negerinya-al-Mamalikat al-‘Arabiyyah al-Sa‘ūdiyah (kerajaan Arab Saudi).

Sifat-sifat dan Tingkah Lakunya

Al-Marhūm Ibnu Sa‘ūd seorang raja Islam yang salih dan dikasihi oleh rakyatnya. Pintu istananya sentiasa terbuka. Sebarang orang yang datang mengadap baginda kerana mengadukan hal, atau berharapkan bantuan tidak pernah

dihamparkan. Baginda ramah dan petah berkata-kata. Apa juaraudū‘ yang dibincangkan di dalam majlisnya melainkan baginda ada mengambil bahagian besar di dalamnya. Kerana ramahnya dan kerana baginda tidak membesarkan diri maka tidak pelik kalau orang-orangnya pernah member dikiran dengan berterus-terang. Sekiranya alasan-alasan orang itu tidak memuaskan, maka baginda dengan senang hati akan member penerangan yang lebih jelas dengan mendahului kata-kata yang sangat menarik, dengan bertitah:

“*Asma’, asma’ Allāh yahdīka.*”

“Dengar, dengar, Tuhan member hidayat kepadamu.”

Kata-kata yang demikian dan yang seumpamanya, boleh dikatakan menjadi bias akepada baginda mengulang-ulangannya.

Dalam pada itu pedangnya adalah sentiasa terhunus menundukkan penjahat-penjahat dan menyebarkan keamanan di seluruh negara.

Tidak dapat dinafikan bahawa baginda telah mencurahkan sebahagian besar daripada kekayaan hasil minyaknya, kepada tanah suci yang kering kontang dan serba mundur itu, sehingga menjadi limpah makmur dan maju, meskipun belum sempurna tetapi kemajuannya sedang berjalan terus menerus.

Dalam menyebar ilmu pengetahuan baginda telah berusaha dengan bersungguh-sungguh, sekolah-sekolah telah didirikan di sana sini, guru-guru yang berkelayakan telah dibawa dari luar negeri, manakala penuntut-penuntut telah dihantar ke Mesir, ke England dan ke Amerika menumpang ilmu pengetahuan untuk diperkembangkan di semenanjung Arab.

Dalam bahagian agama, lebih-lebih lagi. Beribu-ribu kitab-tafsir, hadis dan ilmu pengetahuan Islam telah dicetak dan dibahagikan dengan percuma di seluruh negara Saudi Arabia.

Dihormati Allah Ibnu Sa‘ūd dan dilanjutkan usia raja baru-al-Malik Sa‘ūd.